

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 ( 25 )  
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

25 Ogos 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12 TAHUN 2010 : PERATURAN  
PERMOHONAN PERBELANJAAN KEMUDAHAN PERUBATAN**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2010 yang bermesyuarat pada 21 Julai 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009 berkenaan peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 12 Tahun 2010 mengenai Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,



**(HARYANI BINTI ABDULLAH)**  
b.p Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

---

## PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 12 TAHUN 2010

---

### PERATURAN PERMOHONAN PERBELANJAAN KEMUDAHAN PERUBATAN

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.21 Tahun 2009 berkenaan peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan.

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Perintah Am Bab F Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/ klinik Kerajaan. Walaubagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan oleh seseorang pegawai atau pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan tidak dapat diperolehi di hospital/klinik Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di hospital/ klinik/ agensi swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001 (PP Bil. 4/2001).
  
- 2.2 Di samping itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya beberapa kemudahan rawatan perubatan tertentu yang diperuntukkan kepada pegawai dan ahli keluarga yang berkelayakan dipanjangkan kepada ibu

bapa yang sah (*legal parents*). Penjelasan mengenai jenis-jenis rawatan perubatan yang dibenarkan, peraturan serta kaedah pelaksanaan kemudahan rawatan perubatan kepada ibu bapa pegawai adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993 (SPP Bil. 1/1993).

- 2.3 Selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, Kerajaan telah bersetuju supaya peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974, PP Bil. 4/2001 dan SPP Bil. 1/1993 ditambah baik.
- 2.4 Pekeliling ini telah berkuatkuasa di peringkat Persekutuan dan ianya perlu diterimapakai di peringkat perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Universiti Malaysia Pahang) bagi tujuan penyeragaman Perkhidmatan Berkuasa Berkanun dengan Persekutuan.

### **3.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 3.1. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk:
  - (i) melaksanakan peraturan bagi pembiayaan kod kemudahan perubatan berdasarkan penetapan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan ini serta pindaannya dari semasa ke semasa.
  - (ii) meluluskan permohonan pembiayaan kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di hospital/klinik Kerajaan, kecuali permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negeri;
  - (iii) membuat bayaran bagi kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di hospital/klinik Kerajaan berdasarkan tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan

(iv) merekodkan kelulusan bagi permohonan perbelanjaan untuk pembekalan/penggantian/baik pulih alat yang berharga melebihi daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan/fail pesara.

#### **4.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993 adalah dibatalkan.

#### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,

  
**(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh :

#### **Edaran Kepada.:**

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah/Ketua Jabatan

**Salinan kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)